

## KHUTBAH JUMAAT

### “MENYANTUNI WARGA KELAINAN UPAYA” ( 24 November 2023M/ 10 Jamadilawal 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ  
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Khatib ingin mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang boleh menghilangkan pahala Jumaat. Kandungan mimbar pada hari ini akan membicarakan secara khusus tajuk “*Menyantuni Warga Kelainan Upaya*”.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

'Orang Kelainan Upaya' ialah mereka yang terhalang oleh keadaan fizikal atau mental daripada melakukan kegiatan-kegiatan biasa yang pada kebiasaannya berupaya dilakukan oleh orang biasa.

Jabatan Kebajikan Masyarakat merekodkan, sehingga Oktober 2023 terdapat seramai enam ratus tiga puluh tujuh ribu, lima ratus tiga puluh tujuh (637,537) 'Orang Kelainan Upaya' berdaftar di seluruh Malaysia dan seramai empat puluh lapan ribu, lapan ratus lapan puluh lapan (48,888) 'Orang Kelainan Upaya' berdaftar di Sarawak. Dipercayai jumlah sebenar bilangan 'Orang Kelainan Upaya' lebih ramai daripada angka yang didaftarkan.

Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Fath, ayat 17:

لَيْسَ عَلَى الْأَعْمَى حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْأَعْرَجِ حَرْجٌ وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ ۚ وَمَنْ يُطِيعِ  
اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۙ يُدْخِلْهُ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ ۚ وَمَنْ يَتَوَلَّ يَعدُّهُ عَذَابًا  
أَلِيمًا

**Maksudnya:** *Tidaklah menjadi salah kepada orang buta, dan tidaklah menjadi salah kepada orang tempang, dan tidaklah menjadi salah kepada orang sakit (tidak turut berperang, kerana masing-masing ada uzurnya). Dan (ingatlah), sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, akan dimasukkan-Nya ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai; dan sesiapa yang berpaling ingkar, akan diseksa-Nya dengan azab yang tidak terperi sakitnya.*

Berdasarkan ayat tadi, Islam tidak menyisihkan atau mengasingkan golongan 'Orang Kelainan Upaya', bahkan Islam memberikan perhatian khusus serta keistimewaan kepada mereka. Allah *subhanahu wata'ala* menjelaskan bahawa golongan kelainan upaya iaitu orang buta, orang tempang dan orang sakit diberikan keringanan daripada dilibatkan ke medan perang dengan asbab kekurangan upaya yang mereka alami membuktikan warga sebegini, bukan sahaja diberikan pengiktirafan oleh Allah *subhanahu wata'ala* untuk diberikan keistimewaan tugas yang sesuai dengan mereka.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Menyantuni warga kelainan upaya juga merupakan amalan mulia dan sunnah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Peristiwa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersama Abdullah Ibnu Ummi Maktum *radiallahu anhu* yang cacat penglihatan terakam dalam Surah 'Abasa, ayat 1 dan 2:

عَبَسَ وَتَوَلَّى (١) أَنْ جَاءَهُ الْأَعْمَى (٢)

**Maksudnya:** *la memasamkan muka dan berpaling, Kerana ia didatangi orang buta.*

Ibnu Kathir *rahimahullah* menghuraikan bahawa Abdullah Ibnu Ummi Maktum *radiallahu anhu* menghampiri Baginda *sallallahu alaihi wasallam* kerana ingin mendapat nasihat agama. Ketika itu, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dikelilingi oleh pembesar Quraisy yang mahukan penjelasan mengenai Islam. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* berpaling dan tidak memberikan layanan kepada Abdullah

kerana memilih memberikan keutamaan kepada pembesar Quraisy dengan harapan sekiranya mereka memeluk Islam, maka pengikut-pengikut mereka juga akan turut memeluk Islam. Lalu Allah *subhanahu wata'ala* menegur Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dengan menurunkan ayat 1 hingga 16, surah Abasa. Selepas peristiwa tersebut, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* sentiasa memberikan layanan baik kepada semua orang yang datang menemui baginda lebih-lebih lagi terhadap golongan kelainan upaya.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Ujian oleh Allah *subhanahu wata'ala* kepada 'Orang Kelainan Upaya' dan ahli keluarga mereka, merupakan satu ujian keimanan. Kita wajib insaf bahawa tidak ada yang sempurna sifatnya melainkan Allah. Oleh sebab itu, dalam menghadapi ujian tersebut, perlu diinsafi bahawa semua makhluk bergantung pada Allah *subhanahu wata'ala*, Tuhan Yang Maha Hebat lagi Maha Agung. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam ayat 51, surah At-Taubah yang bermaksud:

*Katakanlah (wahai Muhammad): "Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan oleh Allah bagi kami. Dialah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang yang beriman bertawakal".*

Ketika dikurniakan nikmat kesempurnaan anggota tubuh badan serta kebolehan melakukan kegiatan harian dengan baik, kita perlu mensyukuri kurniaan Ilahi dengan memahami keperluan dan

menyelami kesukaran Orang Kelainan Upaya. Kita perlu tampil menghulurkan bantuan dan memberikan sokongan kerana mereka merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan berhak menikmati hak seperti insan lain.

Disebalik kekurangan Orang Kelainan Upaya, Allah *subhanahu wata'ala* sebenarnya hendak menguji kesabaran, keinsafan, kesyukuran dan kemanusiaan kita yang dikurniakan kesempurnaan, adakah kita benar-benar menyantuni Orang Kelainan Upaya dengan baik, menunjukkan tanggungjawab, rasa simpati, belas dan kasih serta sanggup menghulurkan bantuan dan pertolongan. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Lail, ayat 5-7 yang bermaksud:

*Jelasnya: adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertaqwa (mengerjakan suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan-Nya), - serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (Syurga).*

Oleh itu, perkara yang boleh kita lakukan untuk membantu orang kelainan upaya ini antaranya, ialah:

**Pertama:** Membantu dan menggalakkan Orang Kelainan Upaya mendaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memudahkan Jabatan tersebut membuat perancangan dan intervensi awam serta memberi bantuan kepada mereka.

**Kedua:** Mengesa mana-mana agensi dalam menyediakan peluang belajar dan latihan untuk membantu Orang Kelainan Upaya menjadi

insan celik huruf dan celik ilmu serta dapat meningkatkan keyakinan diri di samping memikir dan mewujudkan peluang pekerjaan yang sesuai dengan keadaan mereka.

**Ketiga:** Menyeru masyarakat mengamalkan sifat kasih sayang dan prihatin terhadap Orang Kelainan Upaya lebih-lebih lagi ibu bapa dan anggota keluarga mereka.

Dalam usaha untuk memastikan kebajikan Orang Kelainan Upaya terjaga, maka Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak menyediakan pelbagai inisiatif dan kemudahan seperti Pusat Pemulihan dalam Komuniti, *Job Coach* bagi menggalak dan menyokong Orang Kelainan Upaya untuk kekal dalam pasaran terbuka dan Pusat Kehidupan Berdikari di seluruh Sarawak. Oleh itu, khatib menyeru dan menggalakkan masyarakat tampil membantu Jabatan Kebajikan Masyarakat menguar-uarkan inisiatif ini kepada Orang Kelainan Upaya dan keluarga mereka supaya mereka mendapat pembelaan sewajarnya.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Ibrahim, ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.  
وَإِذْ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ ۖ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ

**Maksudnya:** *Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmat-Ku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras".*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ،  
فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ  
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَى اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّدِينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ  
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.



اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ  
أَعْدَاءَ الدِّينِ. اللَّهُمَّ عَلَيْكَ بِالْيَهُودِ الْمُعْتَدِينَ الَّذِينَ قَتَلُوا إِخْوَانَنَا  
الْمُسْلِمِينَ فِي فَلَسْطِينَ، اللَّهُمَّ بَدِّدْ شَمْلَهُمْ وَفَرِّقْ جَمْعَهُمْ، وَشَتِّتْ  
كَلِمَتَهُمْ، وَزَلِّزْ أَقْدَامَهُمْ، وَسَلِّطْ عَلَيْهِمْ كَلْبًا مِنْ كِلَابِكَ، يَا قَهَّارُ يَا  
جَبَّارُ، يَا مُنْتَقِمُ، يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ يَا اللَّهُ.

اللَّهُمَّ يَا مُنْزِلَ الْكِتَابِ، وَيَا مُجْرِيَ السَّحَابِ، وَيَا هَازِمَ الْأَحْزَابِ،  
إِهْزِمِهِمْ وَأَنْصِرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْصِرْ إِخْوَانَنَا فِي كُلِّ مَكَانٍ وَخُصُوصًا فِي بِلَادِ فَلَسْطِينَ، وَارْفَعْ  
عَنْهُمْ الْقَحْطَ وَالْبَلَاءَ وَالْحَرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khususnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah! Kurniakanlah kami rezeki yang halal lagi diberkati, hindarilah kami dari sebarang bentuk gejala rasuah dan pelanggaran kepada peraturan dan undang-undang. Kurniakanlah keselamatan dan

kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan keafiatan. Kurniakanlah kesembuhan kepada mereka yang diuji dengan penyakit-penyakit dan bebaskanlah negara kami daripada segala perkara yang tidak diinginkan dan wabak penyakit.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami (orang Islam) di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, peperangan dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

رَبَّنَا أَتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،  
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.